

Tuan/Puan,

Terima kasih di atas sokongan anda ke atas perkhidmatan Kad kami. Dalam usaha kami memberikan perkhidmatan dan pengalaman terbaik kepada anda, kami ingin memaklumkan bahawa Maybank Islamic Berhad akan memperkenalkan Caj Pengurusan Bulanan Tetap (CPBT) yang baru untuk Kad Ikhwan-i Maybank Islamic efektif 1 Julai 2015. Caj Pengurusan Bulanan Tetap (CPBT) yang baru adalah seperti berikut:-

Jenis Kad	Caj Pengurusan Bulanan Tetap (CPBT)
Emas	RM 7,500
Platinum	RM 15,000
Infinite	RM 30,000

Rebat (Ibra') –Ahli Kad layak untuk mendapat rebat caj pengurusan sekiranya tiada urusan runcit dijalankan. Tanpa prejudis, jumlah rebat, sekiranya diberikan, akan ditentukan:

- Berdasarkan kepada perbezaan antara Caj Pengurusan Bulanan Tetap (CPBT) dan Caj Pengurusan Bulanan Sebenar (CPBS) dan/atau Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Sebenar (CPTBS) pada Tarikh Penyata berkenaan; atau
- Di mana Caj Pengurusan Bulanan Sebenar (CPBS) dan/atau Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Sebenar (CPTBS) pada Baki Semasa adalah kurang daripada Caj Pengurusan Bulanan Tetap (CPBT).

Anda masih boleh memegang kad fizikal yang sama, nombor kad atau akaun yang sama dan terus menikmati manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan sebagai ahli Kad Ikhwan-i tanpa sebarang gangguan.